



KERAJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN UNTUK MEMPROSES PERMOHONAN PEMBANGUNAN TEPI JALAN PERSEKUTUAN



Cawangan Kejuruteraan Jalan & Geoteknik,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 26, Menara PJD,
No. 50, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

PENDAHULUAN

Garis Panduan Arahan Teknik (Jalan) 3/2011 dan selanjutnya dinamakan sebagai ATJ 3/2011 ini adalah dikeluarkan untuk mengemaskini Arahan Teknik (Jalan) 3/85, Pindaan 1/88. Garis panduan ini telah dibentangkan di Taklimat Seminar Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Jabatan/Agensi Teknikal Peringkat Negeri dan Daerah dalam memperkemas Perlaksanaan Pusat Setempat (OSC) di PICC pada 2hb. Julai 2008.

Selain daripada pengubahsuaian serta pembetulan perkara-perkara dahulu untuk memenuhi kehendak semasa, ia juga mengandungi perkara-perkara baru supaya dapat membantu dalam proses meluluskan sesuatu permohonan pembangunan tepi Jalan Persekutuan.

Walaupun demikian, maklumbalas masih digalakkan daripada pengguna-pengguna supaya garis panduan ini dapat dibetulkan sekiranya perlu. Sebarang maklumbalas berkenaan ATJ 3/2011 boleh dimajukan kepada:-

Unit Standard dan Spesifikasi
Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan
Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 26, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur.

Garis panduan ini adalah untuk digunapakai oleh kakitangan JKR yang menguruskan permohonan tepi Jalan Persekutuan dalam menepati sasaran kelulusan permohonan 14 hari. Walaubagaimanapun, garis panduan ini hanyalah untuk memproses permohonan tepi Jalan Persekutuan dan tidak meliputi peringkat pembinaan permohonan yang telah diluluskan.

PENGHARGAAN

Garis Panduan ATJ 3/2011 ini telah disediakan oleh ahli-ahli jawatankuasa berikut yang dipengerusikan oleh Cawangan Senggara Fasiliti Jalan JKR Malaysia:-

- | | | |
|------|-----------------------------------------|----------------------------------|
| (1) | Dato' Ir. Dr. Safry Kamal b. Hj. Ahmad | Cawangan Senggara Fasiliti Jalan |
| (2) | Hamizol Bin Ngah | Cawangan Senggara Fasiliti Jalan |
| (3) | Hj. Sulaiman Bin Mohd Ali | Cawangan Jalan |
| (4) | Mohd Yusof Bin Musa | Cawangan Senggara Fasiliti Jalan |
| (5) | Razali Bin Che Embi | Cawangan Senggara Fasiliti Jalan |
| (6) | Amran Bin Mohd Nor | JKR Perak Tengah |
| (7) | Che Mohd Fauze Bin Che Fadzil | JKR Pulau Pinang |
| (8) | Norhayati Binti Mahmood | JKR Johor |
| (9) | Rohani Bin Mursib | JKR Selangor |
| (10) | Zulkifli Bin Naim | JKR Segamat, Johor |
| (11) | Azhari bin Shahrudin | Cawangan Senggara Fasiliti Jalan |
| (12) | Ahmad Shukri Bin Abd. Rashid (Urusetia) | Cawangan Senggara Fasiliti Jalan |

Pihak penerbitan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terbabit seperti di atas. Kerjasama serta komitmen yang diberikan bagi menjayakan penghasilan garis panduan ini amat dihargai.

Diterbitkan oleh:-

Unit Standard dan Spesifikasi
Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan
Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 26, Menara PJD
No.50, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur.

GARIS PANDUAN UNTUK MEMPROSES PERMOHONAN PEMBANGUNAN TEPI JALAN PERSEKUTUAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.0 PEMBANGUNAN TEPI JALAN (AM)

1.1	Tujuan	1
1.2	Kuasa Mengawal Jalan Masuk Ke Jalan Yang Sedia Ada	1
1.3	Pegawai Yang Diberi Kuasa Meluluskan Permohonan	4
1.4	Proses Permohonan	4
1.5	Personel Dan Anggota	4

2.0 POLISI PEMBANGUNAN TEPI JALAN

2.1	Polisi Am	5
2.2	Polisi Am Tambahan	8
2.3	Penyerahan Dan Pengambilalihan Jalan	8
2.4	Rekod Pelan Dan Lukisan	8

LAMPIRAN

Lampiran A: Prosedur Operasi Piawai Pembangunan Tepi Jalan LA (I – VII)

- (a) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [01]
Carta Alir Proses Kelulusan Permohonan Pembangunan Tepi Jalan
- (b) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [02]
Borang Pemantauan Proses Kerja (Kebenaran Merancang/Kerja Tanah/Jalan dan Parit/Tukar Syarat/Pecah Sempadan)
- (c) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [03]
Senarai Semakan Dokumen Permohonan Kebenaran Merancang
- (d) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [04]
Senarai Semakan Dokumen Permohonan Pelan Jalan dan Parit
- (e) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [05]
Senarai Semakan Dokumen Permohonan Kerja Tanah
- (f) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [06]
Senarai Semakan Dokumen Permohonan Tukar Syarat /Pecah Sempadan

Lampiran B: Permohonan Bagi Mendirikan Bangunan	LB (I)
Lampiran C: Permohonan Bagi Mendirikan Stesen Minyak	LC (I)
Lampiran D: Permohonan Melombong	LD (I)

1.0 PEMBANGUNAN TEPI JALAN (AM)

1.1 Tujuan

Garis panduan ini dibentangkan selaras dengan keputusan Jabatan supaya kuasa memberi keputusan bersabit dengan permohonan pemajuan tanah diberikan kepada Pengarah-Pengarah JKR Negeri.

Di samping itu, untuk memastikan polisi-polisi bersabit dengan jalan masuk ke Jalan Persekutuan / Negeri diseragamkan di antara negeri-negeri.

1.2 Kuasa Mengawal Jalan Masuk Ke Jalan Yang Sedia Ada

Kuasa mengawal jalan keluar masuk ke jalan sedia ada adalah Menteri yang bertanggungjawab ke atas kerja yang berkaitan terhadap Jalan Persekutuan atau pihak berkuasa ke atas sesuatu jalan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Klausa yang terlibat adalah Klausa 85: Pembinaan akses dan parit dan penyusunan pemasangan utiliti awam ke jalan-jalan yang ada.

1.2.1 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang berkuatkuasa mulai 1hb. Januari 1988 menyatakan bahawa:-

Klausa 85: Pembinaan akses dan parit dan penyusunan pemasangan utiliti awam ke jalan-jalan yang ada.

(1) Tiada seorang yang boleh:-

- (a) membina apa-apa jalan akses (termasuk jalan kecil, jalan masuk atau akses cara lain sama ada yang awam atau yang persendirian) untuk menghubungi apa-apa jalan;
- (b) membina parit untuk menghubungi parit yang dibina di tepi jalan;
- (c) menjalankan apa-apa jenis kerja daripada apa-apa perihal dalam pada di atas atau di bawah apa-apa jalan, melainkan jika pelan-pelan yang mengandungi 'detail' penyusunan atur berkenaan dengannya (termasuk butir-butir yang boleh ditetapkan) telah diserahkan dan diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan Jalan Persekutuan atau pihak berkuasa yang berkenaan yang berkaitan dengan jalan selain daripada Jalan Persekutuan dan Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan, mengikut mana yang berkenaan boleh menolak permohonan tersebut atau

membenarkannya di atas syarat-syarat yang dikenakan olehnya atau pihak berkuasa itu.

- (2) Jika pada pendapat Menteri atau pihak berkuasa berkenaan wujud:-
 - (a) kemungkinan bahaya kepada lalulintas;
 - (b) apa-apa pемbanjiran, penggangguan atau penghalangan; atau
 - (c) apa-apa kegagalan pematuhan apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

Semasa perjalanan atau yang timbul daripada apa-apa kerja yang disebut di dalam subseksyen (1), Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh melalui notis secara bertulis menghendaki supaya orang yang padanya kelulusan diberi atau penghuni premis atau tanah, mengikut mana yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang sesuai sebagaimana yang perlu untuk mengalihkan bahaya atau mengalihkan apa-apa pengangguatan atau penghalangan atau menyekat mana-mana parit atau mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dalam masa yang dinyatakan dalam notis yang jika gagal dipatuhi Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengambil tindakan yang perlu supaya menghentikan bahaya atau pемbanjiran, penggangguan atau penghalangan untuk memastikan kepatuhan kepada syarat-syarat yang dikenakan.

- (3) Tertakluk kepada subseksyen (6) adalah sah bagi Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut mana yang berkenaan, melalui notis dalam Warta, supaya menghendaki penutupan atau penyimpangan atau perubahan dibuat pada mana-mana jalan akses (sama ada dibina sebelum atau selepas permulaan Akta ini).
- (4) Jika apa-apa tindakan telah diambil oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen (2) atau (3), perbelanjaan yang ditanggung dan diperakukan secara bertulis oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan dalam mengambil tindakan itu adalah hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut mana yang berkenaan oleh orang yang padanya kelulusan telah diberikan atau penghuni premis atau tanah dan boleh dipotong daripada deposit keselamatan yang dibayar kepada Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan sebagai syarat bagi menjalankan kerja-kerja yang disebut dalam subseksyen (1).

- (5) Jika apa-apa kerja di bawah subseksyen (1) telah dilaksanakan dan didapati bahawa kerja-kerja telah dilaksanakan bagi maksud membuat apa-apa perhubungan terus akan apa-apa utiliti awam kepada apa-apa premis atau bagi menyambung parit kepada parit yang dibina di tepi jalan bagi maksud pamaritan tanah yang di atasnya parit yang mula disebut dibina, penghuni premis atau tanah hendaklah disifatkan sebagai orang yang menjalankan kerja itu bagi maksud seksyen ini.
- (6) Jika akibat daripada notis yang dikeluarkan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan di bawah subseksyen (3) suatu jalan akses yang ada semasa keluarnya notis itu, ditutup sekali dan tiada terdapat jalan akses yang alternatif, Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut mana yang berkenaan, hendaklah sebelum penutupan itu, mengadakan jalan akses yang alternatif.

Dengan syarat jika jalan akses yang alternatif tidak boleh diadakan atau tidak boleh diadakan tanpa menanggung amaun perbelanjaan yang tidak munasabah, tanah yang terlibat hendaklah diperolehi mengikut mana-mana undang-undang yang ada berhubungan dengan pengambilan secara paksa dan pengambilan itu hendaklah disifatkan sebagai bagi maksud awam.

- (7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau gagal mematuhi syarat-syarat yang boleh dikenakan dalam permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen itu adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Dengan syarat bahawa apa-apa hukuman yang dikenakan di bawah subseksyen ini tidak akan menjejaskan apa-apa liabiliti sivil orang yang padanya kelulusan diberikan atau penghuni premis atau tanah.

- (8) Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut mana yang berkenaan boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengawalselia dan mengawal perjalanan atau pembinaan apa-apa kerja yang disebut dalam subseksyen (1).

1.3 Pegawai Yang Diberi Kuasa Meluluskan Permohonan

Berdasarkan Seksyen 5 (Akta Perwakilan Kuasa 1956: Akta 358), Menteri mewakili kuasanya di bawah Seksyen 85: Akta Pengangkutan Jalan 1987 berkenaan Jalan Persekutuan kepada Pegawai yang diperturunkan bagi meluluskan permohonan untuk membina jalan masuk ke Jalan Persekutuan kepada Pengarah Negeri melalui Warta Kerajaan P.U.(B) 44.

Oleh yang demikian, semua Pengarah JKR Negeri dikehendaki memberi keputusan kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan.

1.4 Proses Permohonan

1.4.1 Cara memproses permohonan:-

Setiap permohonan yang dikemukakan akan diproses mengikut Prosedur Operasi Piawai Pembangunan Tepi Jalan seperti di **Lampiran A**.

1.4.2 Jangka masa untuk pemprosesan:-

- (a) Jangka masa diberi kepada JKR untuk memberi jawapan kepada Urusetia Pusat Setempat/Pejabat Berkuasa Tempatan/Pengarah Tanah dan Galian/Pejabat Tanah mestilah tidak lebih daripada **14 hari** daripada tarikh diterima permohonan itu oleh JKR.
- (b) Pengarah JKR Negeri adalah bertanggungjawab memastikan dan memantau jangka masa tersebut dipatuhi.

1.5 Personel Dan Anggota

1.5.1 Pegawai-pegawai yang diberi tugas untuk memproses permohonan hendaklah kompeten.

1.5.2 Keanggotaan Unit Pembangunan Tepi Jalan adalah seperti berikut:-

- (a) Organisasi Ibu Pejabat JKR Negeri
 - (i) 1 orang Jurutera J48 (sepenuh masa)
 - (ii) 1 orang Jurutera J41/J44 (sepenuh masa)
 - (iii) 1 orang Penolong Jurutera Kanan J36/J38 (sepenuh masa)
 - (iv) 1 orang Juruteknik Kanan J22/J26 (sepenuh masa)
 - (v) 5 orang Juruteknik J17 (sepenuh masa)
 - (vi) 1 orang Pembantu Tadbir N17 (sepenuh masa)

(b) Organisasi JKR Daerah

- (i) 1 orang Jurutera J41/J44 (separuh masa)
- (ii) 1 orang Penolong Jurutera Kanan J36/J38 (sepenuh masa)
- (iii) 2 orang Juruteknik J17 (sepenuh masa)
- (iv) 1 orang Pembantu Tadbir N17 (separuh masa)

2.0 POLISI PEMBANGUNAN TEPI JALAN

2.1 Polisi Am

Polisi am berikut yang bersabit dengan permohonan jalan akses ke jalan sedia ada perlu diikuti pada setiap masa.

- 2.1.1 Semasa memberi pertimbangan jalan akses ke jalan yang sedia ada, perkara yang perlu diambil berat ialah keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Perhatian juga hendaklah diberi kepada bahagian jalan yang perlu dipereleakkan dan/atau dinaikkan taraf yang mungkin melibatkan jalan akses ke sesuatu pembangunan.

Semua pemaju sesuatu pembangunan perlu menyediakan dan membina jalan khidmat selebar 12 meter minimum dalam semua pemajuan dan diserahkan kepada Kerajaan.

- 2.1.2 Bilangan jalan akses ke jalan sedia ada hendaklah dikawal kepada bilangan yang paling minimum mengikut Arahan Teknik (Jalan) 11/87: *A Guide to Design of At-Grade Intersection* dan REAM-GL 2/2002: *A Guide on Geometric Design Of Road*.

- 2.1.3 Lokasi sesuatu jalan akses mestilah di suatu tempat di mana jarak penglihatan '*sight distance*' adalah mencukupi dan mematuhi Arahan Teknik (Jalan) 11/87: *A Guide to Design of At-Grade Intersection* serta Arahan Teknik (Jalan) 8/86: *A Guide To Geometric Design* dan REAM-GL 2/2002: *A Guide on Geometric Design Of Road*.

- 2.1.4 Garisan bangunan perlu dianjak ke belakang selepas Jalan Khidmat bagi mendapatkan rizab jalan seperti di **Lampiran B** dan kriteria-kriteria berikut:-

- (a) Rizab jalan yang telah ditetapkan bagi semua Jalan Persekutuan mestilah tidak kurang daripada 40 meter.
- (b) Rizab bagi Jalan Negeri mestilah tidak kurang daripada 30 meter.

- (c) Penentuan rizab bagi kawasan yang berbukit-bukit, persimpangan searas, jejambat, jejantas dan persimpangan bertingkat hendaklah berlandaskan amalan kejuruteraan terbaik.
 - (d) Kelebaran minimum 12 meter bagi rizab Jalan Khidmat hendaklah disediakan manakala rizab minimum bagi Jalan Khidmat di kawasan industri ialah 15 meter.
 - (e) Semua kawasan yang dijadikan sebagai rizab jalan hendaklah diserahkan kepada Kerajaan secara percuma.
- 2.1.5 Rizab jalan akses ke jalan sedia ada mestilah berpandukan kepada saiz pembangunan dan juga potensi pembangunan masa hadapan di kawasan sekitarnya. Rizab minimum jalan akses yang diperlukan ialah 20 meter.
- 2.1.6 Semua kos yang terlibat dalam pembinaan jalan baru, memperlengkap dan/atau menaikkan taraf jalan termasuk persimpangan dan lain-lain berkaitan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemaju dan diserahkan kepada Kerajaan.
- 2.1.7 Penetapan jenis persimpangan yang perlu diadakan mestilah atau berasaskan kepada jumlah lalulintas yang akan dijanakan. Untuk skim pembangunan yang melibatkan lebih daripada 200 *unit dwellers* atau 4100 meter persegi keluasan lantai kasar (*gross floor area*) pembangunan komersial, satu laporan penilaian impak lalulintas oleh Jurutera Profesional **wajib** disediakan.
- 2.1.8 Rekabentuk persimpangan yang dicadangkan mestilah mengikut piawaian JKR semasa yang terkandung dalam Arahan Teknik-Arahan Teknik Jalan JKR. Ia mestilah direkabentuk mengikut keadaan tanah sebenar dan mestilah merangkumi sistem perparitan yang sempurna, lampu jalan, peranti kawalan lalulintas, garisan jalan dan lain-lain. Segala rekabentuk mestilah diperakukan oleh seorang Jurutera Profesional.
- 2.1.9 Untuk skim pembangunan besar yang mempunyai beberapa fasa, pembinaan jenis persimpangan secara berperingkat mengikut fasa pembangunan boleh dipertimbangkan dan hendaklah berdasarkan laporan penilaian impak lalulintas.
- 2.1.10 Rekabentuk untuk struktur *pavement* mestilah mematuhi Arahan Teknik (Jalan) 5/85 sedia ada.
- 2.1.11 Setiap rekabentuk struktur, jambatan atau cerun hendaklah disemak semula oleh Jurutera Profesional sebagai penyemak bebas (*Independent Checker Engineer*).

2.1.12 Audit keselamatan jalanraya (*Road Safety Audit*) semua peringkat hendaklah dilaksanakan oleh Juruaudit Keselamatan Jalan yang diakreditasi oleh JKR.

2.1.13 Jalan akses sementara tidak dibenarkan. ***Walau bagaimanapun, dalam hal-hal tertentu, Pengarah JKR Negeri boleh menggunakan budi bicara untuk memberi kelonggaran dalam perkara ini.***

2.1.14 Penyambungan parit daripada mana-mana skim perumahan ke parit-parit di tepi Jalan Persekutuan/Negeri adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Sekiranya aliran air terpaksa memasuki rizab jalan, pemaju adalah dikehendakki:

- a. Menaiktaraf kapasiti parit jalan sedia ada
- b. Menaiktaraf pementang berhampiran hingga ke titik buangan akhir (*final discharge point*).

Segala keperluan sistem perparitan hendaklah menepati kehendak MASMA (Manual Mesra Alam Sekitar Malaysia). Sekiranya lebar longkang melebihi 3.0 meter, satu rizab perparitan berasingan hendaklah disediakan.

2.1.15 Kecerunan jalan akses ke jalan sedia ada tidak boleh melebihi 2% untuk sepanjang 50 meter dari tepi jalan sedia ada. Bilangan '*cattle-trap*' hendaklah dibina dengan secukupnya sekurang-kurangnya dengan sela 30 meter bagi 100 meter pertama dari sempadan rizab jalan sedia ada sekiranya jalan akses adalah lebih tinggi daripada jalan.

2.1.16 Apabila jalan akses menyeberangi parit tepi jalan, pementang kekotak bersaiz tidak kurang daripada 1.2 meter x 1.2 meter hendaklah dibina mengikut kehendak JKR.

2.1.17 Tidak dibenarkan sebarang pembangunan atau aktiviti seperti perlombongan di atas tanah yang telah dirancang untuk pembinaan jalan.

2.1.18 Permohonan untuk kuari ke kawasan yang kurang daripada 1.0 km dari jalan ataupun kawasan penempatan adalah tidak dibenarkan.

2.1.19 Jalan akses ke kuari hendaklah diturap dengan *premix* di sepanjang 150 meter dari tepi rizab jalan sedia ada.

2.1.20 Apa-apa kelulusan yang diberi oleh JKR akan menjadi luput dengan sendirinya selepas **24 bulan** dari tarikh kelulusan OSC. Catatan ini hendaklah dicatatkan di dalam setiap kelulusan permohonan. Jika pemohon gagal memulakan kerja pembinaan dalam tempoh tersebut, pemaju hendaklah mengemukakan permohonan baru.

2.1.21 Semasa kerja pembinaan dijalankan di jalan sedia ada, pengurusan trafik hendaklah menepati pelan pengurusan trafik yang diluluskan oleh seorang Jurutera Profesional. Penyediaan Pelan Pengurusan Trafik hendaklah mematuhi Arahan Teknik Jalan sedia ada.

2.2 Polisi Am Tambahan

Polisi-polisi am tambahan yang berkaitan dengan aspek tertentu yang terkandung adalah seperti lampiran berikut:-

- (a) Lampiran B : Permohonan Bagi Mendirikan Bangunan
- (b) Lampiran C : Permohonan Bagi Mendirikan Stesen Minyak
- (c) Lampiran D : Permohonan Melombong

2.3 Penyerahan dan Pengambilalihan Jalan

2.3.1 Penyerahan dan pengambilalihan jalan hendaklah menepati garis panduan yang ditetapkan di dalam Surat Arahan KPKR Bil 3/2009 Kriteria Penerimaan Projek Jalan Siap Bagi Pengurusan Penyenggaraan Jalan dan surat arahan KPKR Bil. 8/2009 Penyediaan dan penyerahan dokumen bagi tujuan Penyerahan Projek Jalan Siap Bagi Pengurusan Penyelenggaraan.

2.4 Rekod Pelan dan Lukisan

2.4.1 Kesemua pelan dan lukisan yang dikemukakan perlulah dihantar ke JKR Negeri dalam rekod yang sempurna dan terbaru berdasarkan Senarai Semakan Kerja-Kerja yang berkaitan seperti **Lampiran A**.

2.4.2 Satu (1) salinan lembut (*soft copy*) pelan di dalam format DWG (Autocad) atau serasi mengikut rujukan koordinat *State Cassini*.

PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN PEMBANGUNAN TEPI JALAN

1.0 TUJUAN

Prosedur ini adalah tatacara memberi kelulusan dan khidmat nasihat ke atas sesuatu pemajuan permohonan pembangunan tepi jalan bagi memastikan khidmat kelulusan teratur yang mematuhi standard serta polisi JKR. Ianya selaras dengan kehendak yang ditetapkan oleh Agensi Pusat Khidmat Setempat (OSC) dan memastikan tempoh kelulusan pemajuan menepati 14 hari.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan untuk proses memberi kelulusan dan khidmat nasihat ke atas sesuatu pemajuan permohonan pembangunan tepi Jalan Negeri dan Persekutuan yang diterima daripada pemohon.

Jenis-jenis permohonan yang berbentuk kelulusan adalah seperti berikut:-

- (a) Permohonan Kebenaran Merancang.
- (b) Permohonan Kerja Tanah
- (c) Permohonan Jalan & Perparitan
- (d) Permohonan Lombong Pasir / Tanah Merah / Kuari.

Jenis-jenis permohonan yang berbentuk khidmat nasihat adalah seperti berikut:-

- (a) Tukar Syarat Tanah Milik kepada:-
 - i. Industri
 - ii. Skim Perumahan
 - iii. Stesen Minyak
- (b) Permohonan Tanah Kerajaan / Pecah Sempadan:-
 - i. Industri
 - ii. Skim Perumahan
 - iii. Stesen Minyak
 - iv. Pertanian/Ternakan
 - v. Bangunan/Bengkel
 - vi. Kuari

3.0 UNIT PEMBANGUNAN TEPI JALAN

Dalam melaksanakan proses kelulusan, Pengarah Negeri bertanggungjawab mewujudkan Unit Pembangunan Tepi Jalan dan menyediakan anggota yang berkelayakan serta kaunter penerimaan bagi setiap ibu pejabat dan daerah untuk memproses permohonan pembangunan tepi jalan.

Anggota yang terlibat terdiri daripada :-

(a) Organisasi Ibu Pejabat JKR Negeri

- (i) 1 orang Jurutera J48 (sepenuh masa)
- (ii) 1 orang Jurutera J41/J44 (sepenuh masa)
- (iii) 1 orang Penolong Jurutera Kanan J36/J38 (sepenuh masa)
- (iv) 1 orang Juruteknik Kanan J22/J26 (sepenuh masa)
- (v) 5 orang Juruteknik J17 (sepenuh masa)
- (vi) 1 orang Pembantu Tadbir N17 (sepenuh masa)

(b) Organisasi JKR Daerah

- (i) 1 orang Jurutera J41/J44 (separuh masa)
- (ii) 1 orang Penolong Jurutera Kanan J36/J38 (sepenuh masa)
- (iii) 2 orang Juruteknik J17 (sepenuh masa)
- (iv) 1 orang Pembantu Tadbir N17 (separuh masa)

4.0 RUJUKAN

Rujukan bagi penyediaan Borang Semakan Permohonan Tepi Jalan:-

(a) Arahan Teknik (Jalan)

- i. 1/85 (Pindaan 1/89) - *Manual On Design Guidelines of Longitudinal Traffic Barrier.*
- ii. 2A/85 - *Manual on Traffic Control Devices: Standard Traffic Signs.*
- iii. 2B/85 - *Manual On Traffic Control Devices: Traffic Signs Applications.*
- iv. 2C/85 - *Manual on Traffic Control Devices: Temporary Signs and Work Zones Control.*
- v. 2D/85 - *Manual on Traffic Control Devices: Road Marking and Delineation.*
- vi. 2E/87 - *Manual on Traffic Control Devices: Guides Signs Design and Application.*
- vii. 3/85 - *Garis Panduan Untuk Memproses Permohonan Pembangunan Tepi Jalan Persekutuan.*
- viii. 6/85 (Pindaan 1/88) - *Guidelines for Presentation of Engineering Drawings.*

- ix. 8/86 - *A Guide on Geometric Design of Roads.*
- x. 11/87 - *A Guide to Design of At-Grade Intersection.*
- xi. 12/87 - *A Guide to Design of Interchanges.*
- xii. 13/87 - *A Guide to Design of Traffic Signals.*

- (b) Syit Piawai Berskala 1 inci: 8 rantai.
- (c) Pelan Pengambilan Balik Tanah.

5.0 DEFINISI

- (a) Pemohon adalah Individu, Juru Perunding, Kerajaan Tempatan, atau Jabatan Kerajaan yang membuat permohonan.
- (b) Skim perumahan merangkumi pembinaan rumah jenis sebuah atau lebih, teres, pangsa, kedai, pejabat, bangunan bengkel dan lain-lain yang berkaitan dengannya.
- (c) Syit piawai ialah syit yang berskala 1 inci: 8 rantai yang mengandungi maklumat nombor lot tanah hak milik, tanah kerajaan, rizab jalan dan lain-lain.
- (d) Pengerusi mesyuarat ialah Pengarah / Timbalan Pengarah / Ketua Penolong Pengarah (Jalan) di peringkat ibu pejabat JKR

6.0 SINGKATAN

- (a) PKR - Pengarah Kerja Raya Negeri
- (b) KPP(J) - Ketua Penolong Pengarah (Jalan)
- (c) JJ - Jurutera J41/J44/J48
- (d) PT - Penolong Jurutera / Penolong Jurutera Kanan
- (e) JT - Juruteknik / Juruteknik Kanan
- (f) PTJ - Pembangunan Tepi Jalan
- (g) JKR - Jabatan Kerja Raya
- (h) PTAD - Pembantu Tadbir
- (i) OSC - One Stop Centre
- (j) PBT - Pihak Berkuasa Tempatan

7.0 TINDAKAN & TANGGUNGJAWAB

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
1. Terima permohonan dari Pusat Khidmat Setempat (OSC).	JT/PT
2. Daftar dan rekod permohonan. Serah permohonan kepada PT/JT.	PTAD
3. Tanda lokasi permohonan baru pada syit piawai dengan skim warna mengikut jenis permohonan, seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> • Kuning -- Industri • Merah -- Skim Perumahan • Hijau -- Tanah Kerajaan / Pertanian • Ungu -- Pecah Sempadan dan catitkan no. fail permohonan pada lokasi yang ditandakan agar mudah dikesan dan dirujuk.	PT/JT
4. Semak permohonan dengan menggunakan borang Senarai Semakan Dokumen Permohonan yang berkenaan bagi memastikan keperluan teknikal dipenuhi: <ol style="list-style-type: none"> (a) Pemantauan Proses Kerja (b) Kebenaran Merancang <ol style="list-style-type: none"> (i) Kerja Tanah (ii) Jalan & Parit (iii) Pecah Sempadan (iv) Tukar Syarat 	PT/JT
5. Jika lokasi tersebut atau lot sebelah telah pernah diproses, dapatkan salinan surat keputusan dari fail yang berkaitan dan kepilkan bersama borang Senarai Semakan Dokumen Permohonan.	JT
6. Buat lawatan tapak ke lokasi yang dipohon (sekiranya perlu) untuk melihat kesesuaian kemajuan dan keselamatan lalulintas serta keadaan sebenar di tapak berbanding dengan pelan yang dimajukan.	JJ/PT/JT
7. Ulas dan lapor dalam borang Senarai Semakan Dokumen Permohonan berdasarkan kepada pelan dan lawatan tapak (jika ada).	PT/JT
8. Kaji dan nilai berdasarkan:- <ol style="list-style-type: none"> (a) Surat permohonan dan pelan untuk memastikan kesesuaian lokasi. (b) Syit piawai untuk memastikan tidak terlibat 	JJ/PT

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
<p>dengan perancangan/projek pembangunan kerajaan.</p> <p>(c) Arahan Teknik (Jalan) yang berkaitan agar mematuhi garis panduan yang ditetapkan.</p> <p>(d) Arahan kerajaan (jika ada) agar dipatuhi.</p> <p>(e) Surat Kelulusan (jika ada) untuk mematuhi syarat dan dasar jabatan dan syor dalam borang semakan laporan permohonan.</p> <p>9. Bentang laporan permohonan dalam mesyuarat untuk penilaian, pertimbangan dan kelulusan.</p> <p>10. Buat keputusan dan seterusnya catat dalam borang semakan permohonan.</p> <p>11. Sedia dan serah surat ulasan dan keputusan serta borang semakan permohonan berdasarkan keputusan mesyuarat.</p> <p>12. Semak surat ulasan dan kelulusan permohonan berdasarkan catatan keputusan mesyuarat.</p> <p>13. Sekiranya ada pindaan, pinda surat dan serah kembali kepada JJ/PT untuk semak semula.</p> <p>14. Sahkan surat keputusan dan serahkan surat keputusan, borang pemantauan proses kerja permohonan dan laporan permohonan kepada PKR untuk ditandatangani.</p> <p>15. Tandatangan surat keputusan dan pelan serta borang pemantauan proses kerja.</p> <p>16. Majukan surat keputusan berserta pelan kepada OSC /Jabatan Penyelaras Teknikal **</p> <p>17. Lengkapkan ruang tempoh proses permohonan, borang semakan aliran kerja, dan failkan bersama salinan surat keputusan berserta pelan, borang semakan permohonan dalam fail berkaitan.</p>	<p>JD/JJ/PT</p> <p>PKR/TPKR/KPPJ</p> <p>PT/JT</p> <p>JJ/PT</p> <p>PT/JT</p> <p>KPPJ</p> <p>PKR</p> <p>PTAD</p> <p>PTAD</p>

Nota** : “Untuk tindakan segera, semua Jabatan/Agensi Teknikal mengemukakan ulasan dan pandangan terus kepada Pejabat Tanah, Jabatan Perancang Bandar PBT, Jabatan Bangunan PBT dan Jabatan Kejuruteraan PBT serta membuat salinan kepada Urusetia Pusat Setempat”.

8.0 REKOD KUALITI


Bil	Jenis Rekod	Tempoh Penyimpanan	Lokasi
1	Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008[02] Borang Pemantauan Proses Kerja (Kebenaran Merancang/Kerja Tanah/Jalan dan Parit/Tukar Syarat/Pecah Sempadan)	5 Tahun	Pejabat JKR
2	Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008[03] Senarai Semakan Dokumen Permohonan Kebenaran Merancang	5 Tahun	Pejabat JKR
3	Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008[04] Senarai Semakan Dokumen Permohonan Pelan Jalan dan Parit	5 Tahun	Pejabat JKR
4	Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008[05] Senarai Semakan Dokumen Permohonan Kerja Tanah	5 Tahun	Pejabat JKR
5	Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008[06] Senarai Semakan Dokumen Permohonan Tukar Syarat /Pecah Sempadan	5 Tahun	Pejabat JKR
6	Surat Permohonan.	5 Tahun	Pejabat JKR
7	Salinan Surat Keputusan berserta pelan.		

LAMPIRAN:-

- (a) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [01]
Carta Alir Proses Kelulusan Permohonan Pembangunan Tepi Jalan
- (b) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [02]
Borang Pemantauan Proses Kerja (Kebenaran Merancang/Kerja Tanah/Jalan dan Parit/Tukar Syarat/Pecah Sempadan)
- (c) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [03]
Senarai Semakan Dokumen Permohonan Kebenaran Merancang
- (d) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [04]
Senarai Semakan Dokumen Permohonan Pelan Jalan dan Parit
- (e) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [05]
Senarai Semakan Dokumen Permohonan Kerja Tanah
- (f) Borang ATJ 03/85 Pindaan 06/2008 [06]
Senarai Semakan Dokumen Permohonan Tukar Syarat /Pecah Sempadan

CARTA ALIR PROSES KELULUSAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN TEPI JALAN

Nota :
Carta Alir bagi Permohonan Kebenaran Merancang, Kerja Tanah dan Jalan & Parit



** Untuk tindakan segera, semua Jabatan/Agensi Teknikal mengemukakan ulasan dan pandangan terus kepada pejabat Tanah, Jabatan Perancang Bandar PBT, Jabatan Bangunan PBT dan Jabatan Kejuruteraan PBT serta membuat salinan kepada Urusetia Pusat Setempat ."

Jumlah hari: 14 hari



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
BORANG PEMANTAUAN PROSES KERJA
(Kebenaran Merancang/Kerja Tanah/Jalan dan Parit/Tukar Syarat/Pecah Sempadan)***

Nombor Fail Rujukan (JKR)		Tarikh Permohonan	
Nombor Fail Permohonan (OSC)		Status Jalan	Persekutuan / Negeri
Nama Cadangan Pembangunan		Nombor Laluan	
Nama Pemaju		Dari Sekyen:	Dari Seksyen : Ke Seksyen :
Tarikh Terima Permohonan		Tarikh Kelulusan	
No. Ruj. Surat Kelulusan Kebenaran Merancang (jika berkenaan)		Tarikh Surat Kelulusan Kebenaran Merancang (jika berkenaan)	

Bil.	Nama Pegawai	Tarikh Terima	Tanda Tangan	Tarikh Selesai	Tanda Tangan	Catatan
1	Juruteknik / Pembantu Tadbir (Fail)					
2	Pembantu Jurutera / Pembantu Tadbir (Fail)					
3	Pembantu Jurutera / Juruteknik					
4	Jurutera / Pembantu Jurutera					
5	Pembantu Teknik / Juruteknik					
6	Ketua Penolong Pengarah (Jalan) / Jurutera Daerah					
7	Pengarah Kerja Raya Negeri					
8	Pembantu Tadbir (Fail)					
	Tarikh hantar kepada pemohonan					
Jumlah Tempoh Proses = _____ Hari						




**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Nombor Fail Pejabat		Status Jalan	Persekutuan / Negeri
Nama Cadangan Pembangunan		Nombor Laluan	
Nama Pemaju		Dari Sek:	ke Sek :
Nombor Fail Permohonan		Tarikh Permohonan	
Tarikh Terima Permohonan		Tarikh Semakan	

KECUKUPAN DOKUMEN SERAHAN (untuk diisikan oleh PSP, OSC, JKR)

1	LUKISAN-LUKISAN YANG DIPERLUKAN :-				
	<input type="checkbox"/> 3 set pelan (<i>hard copy</i>) dan, <input type="checkbox"/> 1 salinan <i>soft copy</i> pelan ukur dan pelan tapak format DWG atau serasi mengikut rujukan koordinat <i>State Cassini</i>				
Bil.	Tandakan			Keterangan	Catatan
	PSP	OSC	JKR		
1.1	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	PELAN UKUR	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	a. Skala 1:1000 atau yang bersesuaian.	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	b. Tanda Sempadan dan Nombor Lot ditunjukkan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	c. Rizab jalan JKR/KTMB/JPS/LLM/TNB ditunjukkan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	d. Semua struktur/utiliti/saliran/tiang dsb sedia ada ditunjukkan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	e. Persimpangan-persimpangan sedia ada ditunjukkan (<i>Lingkungan kawasan jejari yang ditunjukkan di dalam pelan hendaklah ≥ 500 m dari lokasi cadangan akses</i>)	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	f. Aras sedia ada ditunjukkan (<i>spot level atau kontor -- sela 3m bagi kawasan berbukit</i>)	



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Bil.	Tandakan			Keterangan	Catatan
	PSP	OSC	JKR		
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	g. Nilai dan titik rujukan sistem koordinat dalam <i>State Cassini</i>	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	h. Disahkan oleh Jurukur Berlesen	
1.2	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	PELAN TAPAK	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	1.2.1 Pelan Kunci	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	a. Skala 1:63,360	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	b. Lingkungan kawasan yang ditunjukkan dalam pelan hendaklah $\geq 5\text{km}$ dari lokasi cadangan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	c. Tanda tiang KM (<i>kilometre post</i>) ditunjukkan di dalam pelan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	d. Tanda arah utara ditunjukkan di dalam pelan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	e. Bandar / Pekan Utama ada di pelan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	1.2.2 Pelan Lokasi	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	a. Skala 1:6336	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	b. Lingkungan kawasan yang ditunjukkan dalam pelan hendaklah $\geq 2.5\text{km}$ dari lokasi cadangan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	c. Rizab jalan, Tanda Sempadan dan Nombor Lot ditunjukkan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	d. Disahkan oleh Jurukur Berlesen/ Arkitek Bertauliah / Perancang Bandar Bertauliah	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	1.2.3 Pelan Tatatur	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	a. Skala 1:1000 atau yang bersesuaian	




**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Bil.	Tandakan			Keterangan	Catatan
	PSP	OSC	JKR		
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	b. Arah Utara, Tanda Batu Sempadan, Tanda KM	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	c. Tatatur Bangunan, Jalan dan Perparitan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	d. Rangkaian Jalan - rizab sedia ada & cadangan penyerahan ROW (Warna skema mengikut keperluan PBT)	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	e. Jalan masuk utama yang akan menghubungkan Jalan Persekutuan/Negeri	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	f. Cadangan Persimpangan – sama aras (<i>at grade</i>) / persimpangan bertingkat (<i>grade separation</i>)	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	g. <i>Final discharge point</i> hendaklah ditunjukkan	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	h. Petunjuk cadangan pembangunan bersebelahan yang telah diluluskan/ peringkat perancangan (50m dari 'matchline')	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	i. Pengesahan pematuhan keatas rangkaian pelan struktur tempatan oleh perunding sekiranya jalan dalaman diluluskan oleh JKR	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	j. Ditandatangani oleh pemilik tanah	
	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>	k. Disahkan oleh Jurukur Berlesen/ Arkitek Bertauliah/ Perancang Bandar Bertauliah	
2	<p><u>LAPORAN-LAPORAN YANG DIPERLUKAN :-</u></p> <p><input type="checkbox"/> 1 salinan laporan-laporan (<i>hard copy</i>) dan</p> <p><input type="checkbox"/> 1 salinan <i>soft copy</i> laporan-laporan dalam format pdf</p>				
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	a. Pelan Analisa Kecerunan dan Laporan Geoteknik (<i>bagi kawasan berbukit kelas 3 dan 4 sahaja</i>)	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	b. Laporan Nilai Kesan Lalulintas (<i>bagi keluasan lantai > 45,000 kaki persegi atau 200 units</i>)	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	c. Laporan <i>Road Safety Audit Stage 1 & 2 (Guidelines For The Safety Audit Of Roads And Road Projects In Malaysia)</i>	



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Disemak oleh :		Keputusan: Dokumen diterima untuk proses/ tidak lengkap dan dikembalikan.	
Nama :		Nama :	
Jawatan :		Jawatan :	
Tarikh :		Tarikh :	



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Nombor Fail Pejabat		Status Jalan	Persekutuan / Negeri
Nama Cadangan Pembangunan		Nombor Laluan	
Nama Pemaju		Dari Sek:	ke Sek :
Nombor Fail Permohonan		Tarikh Permohonan	
Tarikh Terima Permohonan		Tarikh Semakan	

SEMAKAN KEPERLUAN TEKNIKAL (untuk diisikan oleh PSP dan JKR)

Bil	Tandakan		Keterangan	Piawaian/ Ukuran	Keputusan / Penilaian
	PSP	JKR			
1	MAKLUMAT ASAS (GENERAL INFORMATION)				
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	a. Rizab Jalan JKR sedia ada	12/20/30/ 40/m	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	b. Status Jalan (No. Laluan.....)	Negeri/ Persekutuan	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	c. Serahan Tanah Untuk ROW Jalan/ ROW Projek Jalan	20/30/ 40/m	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	d. Pembangunan Persekitaran (Penyelarasan Cadangan Rangkaian Jalan Dengan Lot-Lot Bersebelahan)	Ya/Tidak	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	e. Serahan Untuk Simpanan Jalan Susur (Khidmat)	12/15/20/m	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	f. Jarak antara persimpangan sedia ada terdekat Dan Cadangan Akses m	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	g. Struktur Sedia ada di Jalan JKR	Ada/Tiada	Nyatakan :
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	h. Had Laju Tempatan Km/J	



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Bil	Tandakan		Keterangan	Piawaian/ Ukuran	Keputusan / Penilaian
	PSP	JKR			
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	i. Had Muatan (rujuk warta sekatan berat) Ton	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	j. Had Kelegaianmeter	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	k. <i>Traffic Volume</i> veh./hr	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	l. Keluasan & Jumlah Unit Pembangunanekar/unit	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	m. Penyelarasan dengan Pelan Rancangan Struktur Tempatan	Ya/Tidak	
2	KEPERLUAN ROW				
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	a. ROW minimum 40m bagi Jalan Persekutuan		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	b. ROW minimum 30m bagi Jalan Negeri		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	c. ROW simpanan jalan untuk laluan jalan masuk		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	d. Jalan Khidmat (<i>Service roads</i>)		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	e. Semakan ROW projek JKR dalam perancangan/penjajaran semula jalan		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	f. Penandaan sempadan simpanan (<i>Reserve demarcation</i>) antara JKR/ KTMB/ JPS/ LLM		
3	NILAIAN KESAN LALULINTAS (TIA) – (<i>REAM TIA Guidelines</i>)				
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	a. Luas lantai (Min 45,000 kaki persegi) atau Jumlah <i>dwelling units</i> (200 <i>dwelling units</i>)		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	b. Penentuan jenis persimpangan/ Analisa Kapasiti Persimpangan sedia ada		



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Bil	Tandakan		Keterangan	Piawaian/ Ukuran	Keputusan / Penilaian
	PSP	JKR			
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	c. Penentuan menaiktaraf jalan / Analisa Kapasiti Jalan JKR		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	d. Analisa tanpa / dengan pembangunan		
4	ROAD SAFETY AUDIT (RSA) (Guidelines For The Safety Audit Of Roads And Road Projects In Malaysia)				
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	a. Laporan Peringkat 1 (Planning & Feasibility)		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	b. Laporan Peringkat 2 (Preliminary Design)		
5	JALAN (AT(J) 8/87 & REAM – GL 2/2002)				
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	a. Design Standard - R1/U1 to R6/U6 (R-Rural, U-Urban)		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	b. Design Speed		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	c. Service Volume		
6	PERSIMPANGAN (AT(J) 11/87)				
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	a. Junction Type: (Unsignalized/Signalized/ Interchange)		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	b. Spacing between junction,	0.4 to 1 km	
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	c. Level of service criteria		
	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	d. Design Vehicle Type,		



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Disemak oleh :		Keputusan: Dokumen dan pelan diterima untuk proses/dikembalikan untuk pindaan.	
Nama :		Nama :	
Jawatan :		Jawatan :	
Tarikh :		Tarikh :	
Ulasan / Komen:			
Disedia:		Disyor:	
Nama :		Nama :	
Jawatan :		Jawatan :	
Tarikh :		Tarikh :	
Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa RSD :			
Keputusan: Lulus / Tidak Lulus			
Tandatangan :			
Nama :			
Jawatan :	Pengarah JKR Negeri / Jurutera Daerah		
Tarikh :			



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG**

Tarikh Mesyuarat OSC :

Keputusan:

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Rujukan:

- a) **Semua permohonan hendaklah diproses dan dijawab dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima surat permohonan.**
- b) Mesyuarat Pembangunan Tepi Jalan hendaklah diadakan setiap minggu dan dipengerusikan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah Kerja Raya Negeri.
- c) Semua Arahan Teknik Jalan serta Garispanduan Jalan hendaklah dibaca bersama-sama dengan senarai semakan ini.
- d) Sekiranya jalan baru dibina itu adalah disyaratkan oleh JKR, serahan hendaklah kepada JKR.



**JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN PERMOHONAN PELAN JALAN DAN PARIT**

Nombor Fail Rujukan (JKR)		Tarikh Permohonan	
Nombor Fail Permohonan (OSC)		Status Jalan	Persekutuan / Negeri
Nama Cadangan Pembangunan		Nombor Laluan	
Nama Pemaju		Dari: Km..... Sek:	Ke: Km..... Sek:
Tarikh Terima Permohonan		Tarikh Semakan	
No. Ruj. Surat Kelulusan Kebenaran Merancang		Tarikh Surat Kelulusan Kebenaran Merancang	

KECUKUPAN DOKUMEN SERAHAN (untuk diisikan oleh PSP, OSC, JKR)

